



AKHBAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	5/12/2019
JABATAN	:	JPS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN



SURIATI (tengah) bersama empat anak dan adiknya menyusun batu-bata tapak rumah selepas kediamannya dihanyutkan arus banjir di Kampung La.

## BAH MELANDA

# Pilu rumah dihanyut arus

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin  
mohdaizat@bh.com.my

### Jertih

**E**nam sekeluarga bukan saja menjadi mangsa banjir, malah lebih memilukan apabila tinggal sehelai sepinggang dan hilang tempat berteduh apabila rumah mereka dihanyutkan arus deras dalam bencana itu di Kampung La di sini.

Suriati Mohd Yusof, 35, berkata, kejadian pada hari pertama bencana itu, Jumaat lalu berlaku ketika bah mula melanda kampung itu sehingga rumah papan didiami mereka ditenggelami banjir se-

dalam dua meter sebelum dihanyutkan arus. Menurutnya, kedudukan rumahnya

berhampiran Sungai Besut hanya kira-kira 60 meter menyebabkan kediamannya sering dinaiki air pada musim tengkujuh, namun kali ini disifatkan antara yang terburuk pernah dilalui.

Katanya, selepas hujan selama tiga hari, segala persediaan sudah dilakukan dengan mengemas barangan supaya senang untuk berpindah kerana sudah menjangka banjir besar berlaku berikutan hujan lebat tanpa henti.

"Pada pagi Jumaat itu, saya bangun jam 6.30 pagi dan mendapati air belum masuk ke dalam rumah, namun air mula naik mendadak dan melimpah ke dalam rumah sekitar jam 8 pagi ketika saya menyiapkan sarapan."

Saya se-

gera menyuruh anak sulung, Adam Danish Hardi, 14, berkemas untuk berpindah dan ketika itu, saya lihat rumah dibina daripada papan sudah senget seperti mahu terbalik.

"Panik dengan keselamatan keluarga menyebabkan saya dan anak segera keluar dan menaiki perahu untuk ke pusat pemindahan sementara (PPS)," katanya.

Suriati berkata, hatinya pilu apabila dia ternampak sisa runtuhannya rumahnya yang dihanyutkan arus tersangkut berdekatan pagar Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung La, 200 meter dari tapak rumah selepas banjir surut, Sabtu lalu.

Namun, katanya, hujan yang kembali lebat dan banjir semakin teruk menyebabkan sisa runtuhannya terus dihanyutkan arus dan dijumpai semula 500 meter dari tapak rumah.

Rumah papan ditenggelami banjir sedalam dua meter

## Sempadan Malaysia-Thailand terkawal

**Kota Bharu:** Biar pun dilanda banjir, sempadan Malaysia-Thailand di Kelantan masih dalam keadaan terkawal.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, kawalan tetap dijalankan bagi membanteras kegiatan penyeludupan daripada berluasa ketika banjir.

Katanya, keadaan paras air di Sungai Golok meningkat susulan hujan berterusan beberapa hari menyebabkan garisan sempadan antara kedua-dua negara tidak dapat dilihat dengan jelas.

"Bagaimanapun saya tegaskan kawalan tetap ada dan diperketatkan bagi mengelak dibolosi pe-

nyeludup yang cuba membawa barangan terlarang ke negara ini.

"Di musim tengkujuh ini, kita meningkatkan lagi kawalan di sempadan Malaysia-Thailand selain mendapat kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM)," katanya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di sini, semalam.